



UNTUK SIARAN SEGERA

28 NOVEMBER 2024

Wasco Catat Prestasi Kukuh Bagi Sembilan Bulan Pertama 2024: PATAMI Naik 60%, Pendapatan Meningkat 10%

*Buku Pesanan Kekal Kukuh Pada RM3.0 Bilion, Saluran Tender Bernilai RM9.6 Bilion
Pacu Momentum Pertumbuhan*

KUALA LUMPUR, 28 November— Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”), penyedia perkhidmatan tenaga bersepadu terkemuka, melaporkan prestasi kewangan yang kukuh bagi sembilan bulan pertama tahun kewangan berakhir pada 30 September 2024 (“9BTK2024”). Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat sebanyak 60% kepada RM118.0 juta, manakala pendapatan Kumpulan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 10% kepada RM1.98 bilion. Peningkatan ini didorong oleh kejayaan penyempurnaan projek serta kecekapan operasi yang tinggi.

Setakat 30 September 2024, buku pesanan Kumpulan kekal kukuh pada paras RM3.0 bilion, dengan bahagian Perkhidmatan Tenaga menyumbang lebih daripada 90% jumlah keseluruhan.

“Saluran tender kami kekal kukuh, dengan buku tender semasa bernilai RM9.6 billion menyakinkan pertumbuhan jelas dalam tempoh terdekat,” kata **Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Giancarlo Maccagno**.

Segmen **Perkhidmatan Tenaga**, yang merangkumi salutan paip, kejuruteraan dan fabrikasi, mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 11.8%, menyumbang RM1.8 bilion setakat tahun ini, didorong oleh pelaksanaan projek mengikut jadual. Segmen **Perkhidmatan Bioenergi**, yang menghasilkan dandang biomassa dan turbin, mencatatkan penurunan hasil sebanyak 4% kepada RM201.0 juta, disebabkan oleh penghantaran tergendala unit turbin yang telah siap. Setakat tahun ini, segmen Bioenergi telah menyiapkan 12 dandang dan menjual 54 turbin, masing-masing disertakan dengan kontrak penyelenggaraan selama dua tahun.

Dalam tempoh dua tahun yang lalu, Wasco telah melupuskan lebih daripada 80% aset bukan terasnya, termasuk perniagaan perdagangan, sebagai sebahagian daripada transformasi Kumpulan untuk menjadi penyedia penyelesaian tenaga yang lebih fokus. Sepanjang suku ini, jumlah hutang Kumpulan mencatatkan RM447.0 juta, susut daripada RM612.0 juta pada

Jun 2024. Penurunan ini menyumbang kepada penambahbaikan nisbah penggearan kasar kepada 0.61x dan nisbah penggearan bersih kepada 0.19x, hasil daripada keuntungan yang lebih tinggi serta pengurusan aliran tunai yang kukuh.

Wasco juga mempergiatkan inisiatif kelestariannya. Kumpulan telah melancarkan Rangka Kerja Kewangan Mampan dan Peralihan pertama di ASEAN, memperoleh pinjaman hijau bernilai USD25 juta melalui Maybank Investment Bank. Pada masa ini, 30% daripada campuran tenaga Kumpulan berasal daripada sumber boleh diperbaharui, dengan rancangan untuk memperluaskan pemasangan solar dan beralih kepada tenaga grid di operasinya di Qatar.

Usaha kelestarian Wasco diiktiraf di Anugerah ESG The Edge 2024, di mana Kumpulan menerima dua anugerah perak untuk Prestasi Terbaik Mengikut Sektor (Tenaga) dan Prestasi ESG Paling Meningkat dalam Tiga Tahun (Modal Pasaran RM800 juta hingga RM5 bilion).

Walaupun berdepan ketidaktentuan pasaran tenaga global, Kumpulan menyatakan keyakinan untuk mengekalkan trajektori pertumbuhannya. "Kami yakin dengan strategi jelas dan momentum operasi yang kukuh, Wasco berada pada kedudukan terbaik untuk menyampaikan pertumbuhan mampan serta mencipta nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan, sambil memacu usaha penyahkarbonan," tambah Maccagno.

-tamat-

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), yang ditubuhkan pada tahun 1999, ialah penyedia penyelesaian tenaga terkemuka dengan kehadiran global di 16 negara. Kekuatan teras Kumpulan terletak pada dua bahagian yang berbeza. Bahagian Perkhidmatan Tenaga adalah pakar dalam salutan paip lanjutan, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penghantaran projek EPC. Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, memenuhi pelbagai sektor termasuk perladangan, petchem, oleokimia dan pemain industri besar.

Sebagai entiti tersenarai Pasaran Utama di Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar. Organisasi itu telah menetapkan sasaran kukuh untuk mencapai pelepasan karbon bersih-sifar sepanjang operasinya menjelang 2026. Strategi penyahkarbonan Wasco bermula dengan mengurangkan pelepasan dalam operasi dan rantai bekalannya, ditambah dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Wasco mengiktiraf tumpuan penting untuk melabur dalam perlindungan dan pemuliharaan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam mengasingkan karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kekayaan biodiversitinya, tetapi juga berfungsi sebagai penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Projek berdasarkan alam semula jadi menjana kredit karbon, yang memainkan peranan penting dalam perjalanan kami untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2026. Sebahagian penting daripada komitmen ini berkisar pada inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Lanjutan dedikasi terhadap tanggungjawab alam sekitar ini, Wasco bertekad dalam komitmennya terhadap peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berkesan memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif terus meneroka perkongsian strategik. Kumpulan menekankan pamacuan pertumbuhan dalam rantaian nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih mampan bagi industri tenaga.

Disiarkan oleh **Wasco Berhad**. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) atau Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*



FOR IMMEDIATE RELEASE

28 NOVEMBER 2024

Wasco Reports Robust 9MFY2024 Results: PATAMI Up 60%, Revenue Grows 10%

*Orderbook Remains Strong at RM3.0 Billion, RM9.6 Billion Tender
Pipeline Supports Growth Momentum*

KUALA LUMPUR, 28 November— Wasco Berhad (“Wasco” or the “Group”), a leading integrated energy services provider, reported a 60% surge in net profit after tax and minority interest (“PATAMI”) to RM118.0 million for the nine months ended 30 September 2024 (“9MFY2024”). The Group’s revenue rose 10% to RM1.98 billion, supported by robust project execution and operational efficiencies.

As of 30 September 2024, the Group’s total orderbook remained strong at RM3.0 billion levels, with the Energy Services division contributing more than 90% of the total.

“Our tendering pipeline is strong, with a current healthy tenderbook of RM9.6 billion, giving us solid visibility for future growth,” said **Wasco’s Managing Director/Group Chief Executive Officer, Giancarlo Maccagno.**

The **Energy Services** segment, which includes pipeline coatings, engineering and fabrications, recorded an 11.8% increase in revenue, contributing RM1.8 billion year-to-date, driven by timely project execution. The **Bioenergy Services** segment, which produces biomass boilers and turbines, saw a slight 4% decline in revenue to RM201.0 million, attributed to the timing of deliveries of completed turbine units. Year-to-date, the Bioenergy segment has completed 12 boilers and sold 54 turbines, each accompanied by a two-year maintenance contract.

Over the past two years, Wasco has divested more than 80% of its non-core assets, including the trading business, as part of its transformation into a focused energy solutions provider. During the quarter, the Group total debt stood at RM447.0 million down from RM612.0 million in June 2024, improving its gross gearing ratio to 0.61x and net gearing ratio to 0.19x, driven by higher profitability and strong cash management oversight.

Wasco is also doubling down on its sustainability initiatives. The Group launched ASEAN's first Sustainable & Transition Finance Framework, securing a USD25 million green loan facilitated by Maybank Investment Bank. Currently, 30% of its energy mix is derived from renewable sources, with plans underway to expand solar installations and transition to grid electricity for its Qatar operations.

The Group's sustainability efforts earned recognition at The Edge ESG Awards 2024, where it received silver awards for Best Performer by Sector (Energy) and Most Improved ESG Performance Over Three Years (RM800M to RM5B Market Cap).

Despite global uncertainties in the energy market, the company expressed optimism about maintaining its growth trajectory. "With a clear strategy and operational momentum, we remain confident in delivering long-term value for stakeholders while advancing decarbonisation efforts," added Maccagno.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 16 countries. The Group's core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petchem, oleochemicals and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility. The organisation has set a bold target to achieve net-zero carbon emissions throughout its operations by 2026. Wasco's decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of the natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity, but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. Nature-based projects generate carbon credits, which are instrumental in our journey to achieve net-zero emissions by 2026. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by **Wasco Berhad**. For media enquiries, please contact Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).